

Dua bayi dibuang masih hidup

SUBANG JAYA – Perasaan curiga seorang lelaki yang menyangka terdapat seekor kucing dalam satu bungkusan kain berdekatan tempat buang sampah di Saujana Puchong dekat sini membawa kepada penemuan seorang bayi perempuan masih hidup dengan bertali pusat.

Difahamkan, bayi berkenaan ditemui di depan sebuah rumah di Jalan SP5/6 kira-kira jam 4.30 petang kelmarin sebelum dibawa ke Klinik Kesihatan Puchong Batu 14 di sini.

Ketua Polis Daerah Subang Jaya, Asisten Komisioner Yahaya Ramli berkata, bayi berkulit cerah dan dipenuhi tompokan merah akibat digigit semut itu dihantar ke Hospital Kajang untuk rawatan lanjut.

“Lelaki yang kebetulan melalui kawasan perumahan itu memaklumkan terdengar suara yang disangkanya kucing.

“Apabila diselak bungkusan kain berwarna hitam dia mendapati terdapat seorang bayi perempuan cukup sifat dan dipercayai dilahirkan dalam tempoh 24 jam sebelum ditemui,” katanya kes disiasat di bawah Seksyen 317 Kanun Keseksaan.

Dalam perkembangan lain, Yahaya berkata, seorang



YAHAYA

Silver 14/6/12 MS1

lagi bayi perempuan ditemui masih hidup dalam kios gerai menjual nasi lemak di belakang sebuah sekolah di USJ 12 di sini, pagi semalam.

Beliau berkata, pihaknya menerima maklumat, bayi berkenaan ditemui kira-kira jam 7.15 pagi oleh seorang lelaki dalam satu balutan sehelai kain berjalur berwarna kelabu dan ungu.

Katanya, keadaan bayi masih bertali pusat tetapi telah kering dan seluruh badan mempunyai tompokan gigitan nyamuk.

“Bayi berkulit cerah itu kemudian dibawa ke hospital dan dipercayai dilahirkan kurang dua hingga tiga hari lalu.

“Bangsa bayi seberat 2.35 kilogram itu masih belum dapat dipastikan,” katanya kes akan disiasat di bawah seksyen sama.